WIKIPEDIA

Afrika

Afrika (Tulisan Jawi: افريک) merupakan benua yang kedua terbesar selepas Asia, sama ada dari segi keluasan atau jumlah penduduk. Luasnya adalah kira-kira 30,244,050 km^2 (11,677,240 batu^2) termasuk kepulauan di sekitarnya, meliputi 20.3% dari jumlah daratan di bumi dan didiami lebih daripada 900 juta orang pada 2005, atau sekitar 14% populasi manusia di bumi.

Afrika
افريکا



Kawasan	30,370,000 km^2 (11,730,000 bt^2) (ke-2)
Penduduk	1,225,080,510[1] (2016; ke-2)
Ketumpatan penduduk	36.4/km^2 (94/sq mi)
Demonim	Orang Afrika
Negara	54 (dan 2 dipertikai) (Senarai negara)
Kebergantungan	**Luaran (1)** Saint Helena **Dalaman (6)** Kepulauan Canary Ceuta Madeira Mayotte Melilla Réunion
Bahasa	1250–3000 bahasa asli
Zon masa	UTC-1 hingga UTC+4
Bandar terbesar	Kawasan perbandaran terbesar: Lagos · Cairo · Kinshasa · Johannesburg · Abuja · Khartoum · Dar es Salaam · Alexandria · Abidjan · Algiers · Kano · Casablanca · Ibadan · Nairobi · Addis Ababa · Accra

Benua Afrika disempadani:

- di sebelah utara: Eropah, oleh Laut Mediterranean dan Selat Gibraltar
- di sebelah timur, Asia, oleh Terusan Suez dan teluk, dan juga Lautan Hindi
- di sebelah barat: Lautan Atlantik

Isi kandungan

Penamaan

Perkataan Afrika berasal dari bahasa Rom kuno, *Africa terra* — "tanah Afri" (perkataan jamak dari "Afer") — untuk menunjukkan bahagian utara benua tersebut, iaitu Tunisia sekarang, wilayah jajahan Rom Afrika. Asal perkataan "Afer" mungkin adalah dari bahasa Funisia (*Phoenician*), *afar* yang bererti debu; atau dari puak Afridi, yang mendiami bahagian utara benua dekat Carthage; atau dari bahasa Greek *aphrike* yang bererti tanpa dingin; atau dari bahasa Latin *aprica* yang bererti cerah.

Geografi

Afrika adalah daratan terbesar daripada tiga daratan jika dilihat dari arah selatan di bahagian muka bumi di angkasa. Diasingkan daripada Eropah oleh Laut Mediterranean, ia bersambung hingga ke Asia pada bahagian paling timur laut oleh Tanah Genting Suez (disilang oleh Terusan Suez) 163 km (101 batu) lebarnya. Secara geopolitik, Mesir, Semenanjung Sinai dan timur Terusan Suez lazim dianggap sebahagian daripada Afrika.[2] Dari titik paling utara iaitu Ras ben Sakka di Tunisia dan titik paling selatan iaitu Tanjung Agulhas di Afrika Selatan (34°51'15" S), mempunyai jarak lebih kurang 8,000 km (5,000 batu). Dari Cape Verde, (17°33'22" W) iaitu titik paling barat ke Ras Hafun di Somalia, (51°27'52" E) bahagian paling timur, mempunyai jarak lebih kurang 7,400 km (4,600 batu).

Panjang pesisir pantai Afrika ialah 26,000 km dengan dan ketiadaan titik putus atau lubang besar di sepanjang pantainya adalah satu ilustrasi yang menggambarkan fakta bahawa Eropah, yang hanya merangkumi 10,400,000 km² (4,010,000 batu persegi)– yang luasnya hanya sepertiga daripada keluasan Afrika – mempunya pesisir pantai sepanjang 32,000 km (19,800 batu).



Imej satelit benua Afrika

Negara terbesar di Afrika ialah Algeria, dan negara yang terkecil adalah Seychelles, sebuah gugusan kepulauan di luar pantai timurnya. Negara terkecil di atas daratan benua Afrika ialah Gambia.[3] Menurut Rom Purba, Afrika tersebar di barat Mesir, manakala "Asia" yang dahulunya dirujuk sebagai Anatolia tersebar ke arah timur. Garis sempadan mutlak antara dua benua ini telah digariskan oleh ahli geografi terkenal iaitu Ptolemy (85–165 Masihi), menunjukkan Iskandariah di sepanjang garis Meridian serta menentukan bahawa tanah genting Suez dan Laut Merah menjadi sempadan antara Asia dan Afrika. Apabila orang Eropah mula memahami keluasan sebenar benua ini, idea tentang Afrika mula berkembang bersama dengan ilmu pengetahuan mereka.

Iklim dan kehidupan liar

Iklim di Afrika adalah pelbagai daripada iklim tropika kepada sub-Artik (iklim yang selalunya musim salji yang teramat sejuk dan musim panas yang singkat) di bahagian puncak yang tertinggi. Bahagian utaranya terdiri daripada gurun dan padang pasir,[4] manakala di bahagian tengah dan selatannya mengandungi kedua-dua lembah savana dan wilayah hutan hujan yang tebal. Di antaranya pula didominasi oleh pertemuan tumbuh-tumbuhan yang hidup di kawasan sahel dan steppe. Afrika merndakwa bahawa benuanya kemungkinan merupakan kombinasi terbesar dari segi kepadatan dan “ruang kebebasan” untuk populasi hidupan liarnya dan diversitinya.

Dengan populasi haiwan liar untuk karnivor besar (seperti singa, dubuk dan harimau bintang) dan haiwan herbivor (seperti kerbau, rusa, gajah, unta dan zirafah) bergerak bebas di dataran tanah ratanya yang luas. Ia juga merupakan tempat tinggal kepada pelbagai makhluk hutan lain (termasuk ular dan primat) serta hidupan akuatik (termasuk buaya dan amfibia).

Politik

Hampir kesemua negara Afrika adalah republik kecuali beberapa negara yang mengamalkan sistem monarki seperti Maghribi dan Swaziland. Benua Afrika juga terkenal sebagai benua yang melahirkan ramai diktator seperti Muammar Ghadafi (Libya) dan Idi Amin (Uganda).

Kesatuan Afrika ialah sebuah badan persatuan yang merangkumi 55 negara Afrika. Badan ini ditubuhkan pada 26 Jun 2001 (secara rasmi pada 9 Julai 2002)[5] dan beribu pejabat di Addis Ababa, Habsyah.

Negara dan wilayah

Benua Afrika mempunyai 59 buah negara.

Jata	Bendera	Nama negara dan wilayah	Keluasan (km²)	Jumlah penduduk [6]	Tahun	Kepadatan penduduk (per km²)	Ibu negara
		Afrika Utara					
		Algeria	2,381,740	34,178,188	2009	14	Algiers
		Kepulauan Canary (Sepanyol)	7,492	2,154,905	2017	226	Las Palmas de Gran Canaria, Santa Cruz de Tenerife
		Ceuta (Sepanyol)	20	85,107	2017	3,575	—
		Libya	1,759,540	6,310,434	2009	4	Tripoli
		Madeira (Portugal)	797	245,000	2001	307	Funchal
		Maghribi	446,550	35,740,000	2017	78	Rabat
		Melilla (Spain)	12	85,116	2017	5,534	—
		Mesir	1,001,450	82,868,000	2012	83	Kaherah
		Sudan	1,861,484	30,894,000	2008	17	Khartoum
		Tunisia	163,610	10,486,339	2009	64	Tunis
		Sahara Barat	266,000	405,210	2009	2	El Aaiún
		Afrika Timur					
		Burundi	27,830	8,988,091	2009	323	Gitega
		Comoros	2,170	752,438	2009	347	Moroni
		Djibouti	23,000	828,324	2015	22	Djibouti
		Eritrea	121,320	5,647,168	2009	47	Asmara
		Habsyah	1,127,127	84,320,987	2012	75	Addis Ababa
		Kenya	582,650	39,002,772	2009	66	Nairobi
		Madagascar	587,040	20,653,556	2009	35	Antananarivo
		Malawi	118,480	14,268,711	2009	120	Lilongwe
		Mauritius	2,040	1,284,264	2009	630	Port Louis
		Mayotte (Perancis)	374	223,765	2009	490	Mamoudzou
		Mozambique	801,590	21,669,278	2009	27	Maputo
		Réunion (Perancis)	2,512	743,981	2002	296	Saint-Denis
		Rwanda	26,338	10,473,282	2009	398	Kigali
		Seychelles	455	87,476	2009	192	Victoria
		Somalia	637,657	9,832,017	2009	15	Mogadishu
		Sudan Selatan	619,745	8,260,490	2008	13	Juba
		Tanah Selatan dan Antartika Perancis (Perancis)	439,781	100	2019	—	Saint-Pierre
		Tanzania	945,087	44,929,002	2009	43	Dodoma
		Uganda	236,040	32,369,558	2009	137	Kampala
		Afrika Tengah					
		Angola	1,246,700	12,799,293	2009	10	Luanda
		Cameroon	475,440	18,879,301	2009	40	Yaoundé
		Chad	1,284,000	10,329,208	2009	8	N'Djamena
		Republik Congo	342,000	4,012,809	2009	12	Brazzaville
		Republik Demokratik Congo	2,345,410	69,575,000	2012	30	Kinshasa
		Gabon	267,667	1,514,993	2009	6	Libreville
		Guinea Khatulistiwa	28,051	633,441	2009	23	Malabo
		Republik Afrika Tengah	622,984	4,511,488	2009	7	Bangui

		São Tomé dan Príncipe	1,001	212,679	2009	212	São Tomé
				Selatan Afrika			
		Afrika Selatan	1,219,912	51,770,560	2011	42	Bloemfontein, Cape Town, Pretoria
		Botswana	600,370	1,990,876	2009	3	Gaborone
		Eswatini	17,363	1,123,913	2009	65	Mbabane
		Lesotho	30,355	2,130,819	2009	70	Maseru
		Namibia	825,418	2,108,665	2009	3	Windhoek
		Zambia	752,614	11,862,740	2009	16	Lusaka
		Zimbabwe	390,580	11,392,629	2009	29	Harare
				Afrika Barat			
		Benin	112,620	8,791,832	2009	78	Porto-Novo
		Burkina Faso	274,200	15,746,232	2009	57	Ouagadougou
		Cape Verde	4,033	429,474	2009	107	Praia
		Côte d'Ivoire	322,460	20,617,068	2009	64	Abidjan, Yamoussoukro
		Gambia	11,300	1,782,893	2009	158	Banjul
		Ghana	239,460	23,832,495	2009	100	Accra
		Guinea	245,857	10,057,975	2009	41	Conakry
		Guinea-Bissau	36,120	1,533,964	2009	43	Bissau
		Liberia	111,370	3,441,790	2009	31	Monrovia
		Mali	1,240,000	12,666,987	2009	10	Bamako
		Mauritania	1,030,700	3,129,486	2009	3	Nouakchott
		Niger	1,267,000	15,306,252	2009	12	Niamey
		Nigeria	923,768	166,629,000	2012	180	Abuja
		Saint Helena, Ascension dan Tristan da Cunha (United Kingdom)	420	7,728	2012	13	Jamestown
		Senegal	196,190	13,711,597	2009	70	Dakar
		Sierra Leone	71,740	6,440,053	2009	90	Freetown
		Togo	56,785	6,019,877	2009	106	Lomé
Jumlah			**30,368,609**	**1,001,320,281**	**2009**	**33**	

Bahasa

Rencana utama: Bahasa di Afrika

Menurut kebanyakan perkiraan, Afrika mempunyai lebih daripada seribu bahasa.[7] Kebanyakan daripada bahasa-bahasa ini ialah bahasa asli Afrika, tetapi ada juga yang berasal dari Eropah dan Asia. Ada empat kelompok bahasa utama yang berasal dari benua ini, iaitu:

- bahasa-bahasa Afro-Asia, sebuah kelompok bahasa yang terdiri dari sekitar 240 bahasa dan 285 juta penutur yang tersebar luas di sepanjang Afrika Utara, Afrika Timur, Sahel dan Asia Barat Daya;
- bahasa-bahasa Nil-Sahara terdiri dari lebih dari seratus bahasa yang dituturkan oleh 30 juta orang. Bahasa Nil-Sahara kebanyakannya ditutur di Chad, Sudan, Ethiopia, Uganda, Kenya, dan sebelah utara Tanzania;
- bahasa-bahasa Niger-Congo mencakupi kebanyakan dari Afrika Sub-Sahara dan kemungkinan adalah kelompok bahasa terbesar di dunia dari segi jumlah bahasa. Sejumlah besar daripada bahasa-bahasa ini ialah bahasa-bahasa Bantu yang digunakan di sebahagian besar Afrika Sub-Sahara;
- bahasa-bahasa Khoisan terdiri dari sekitar 50 bahasa dan dituturkan di sebelah selatan Afrika oleh sekitar 120,000 orang. Banyak bahasa Khoisan ialah bahasa yang terancam. Suku Khoi dan San dianggap sebagai penduduk asli di kawasan ini.

Selepas zaman penjajahan oleh pihak Eropah, negara-negara Afrika mengiktiraf bahasa-bahasa luar Afrika seperti bahasa Inggeris dan Perancis sebagai bahasa rasmi negara, meskipun sesetengah bahasa Afrika seperti bahasa Swahili dan Hausa juga memperoleh taraf ini di sesetengah negara.

Budaya

Legenda Afrika

Afrika kaya dengan sejarah yang kebanyakannya tidak direkodkan. Ia kaya dengan mitos, ceritera pendek dan lagenda.

Sukan

53 negara Afrika mempunyai pasukan bola sepaknya di bawah Konfederasi Bola Sepak Afrika, manakal Cameroon, Nigeria, Senegal dan Ghana telah mara di peringkat kalah mati untuk Piala Dunia FIFA. Afrika Selatan akan menjadi tuan rumah untuk Pertandingan Piala Dunia 2010, dan akan menjadi negara Afrika pertama menjadi tuan rumah.

Kriket juga merupakan sukan popular di sesetengah negara Afrika,dengan Selatan Afrika and Zimbabwe memegang status Test dan dengan Kenya yang menjadi pasukan yang mampu memberi saingan dalam One-Day International Kricket. Ketiga-tiga negara ini menjadi tuan rumah secara bersama untuk Pertandingan Kriket Piala Dunia 2003.

Ada sesetengah negara Afrika, terutamanya Habsyah, Kenya dan Morocco, telah melahirkan ramai pelari jarak jauh bertaraf dunia seperti Abebe Bikila dan Cosmas Ndeti.

Afrika Selatan telah menjadi tuan rumah dan seterusnya memenangi Piala Dunia Ragbi 1995 dan juga telah memenagi Piala Dunia Ragbi 2007.

Rujukan

1. "World Population Prospects: The 2017 Revision" (https://esa.un.org/unpd/wpp/DataQuery/). *ESA.UN.org* (data tersuai diperlukan melalui tapak sesawang). Jabatan Hal Ehwal Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Bahagian Populasi. Dicapai pada 10 September 2017.
2. "Atlas – Xpeditions" (http://www.nationalgeographic.com/xpeditions/atlas/index.html?Parent=africa&Rootmap=&Mode=d). National Geographic Society. 2003. Diarkib (https://web.archive.org/web/20090303230811/http://www.nationalgeographic.com/xpeditions/atlas/index.html?Parent=africa&Rootmap=&Mode=d) daripada yang asal pada 3 March 2009. Dicapai pada 1 March 2009.
3. Hoare, Ben. (2002) *The Kingfisher A–Z Encyclopedia*, Kingfisher Publications. p. 11. ISBN 0-7534-5569-2
4. "Africa: Environmental Atlas, 06/17/08." (http://www.africa.upenn.edu/afrfocus/afrfocus061708.html) Diarkibkan (https://web.archive.org/web/20120105193432/http://www.africa.upenn.edu/afrfocus/afrfocus061708.html) 5 Januari 2012 di Wayback Machine African Studies Center (http://www.africa.upenn.edu), University of Pennsylvania. Accessed June 2011.
5. Mbeki, Thabo (9 July 2002). "Launch of the African Union, 9 July 2002: Address by the chairperson of the AU, President Thabo Mbeki" (https://web.archive.org/web/20090503210549/http://www.africa-union.org/official_documents/Speeches_%26_Statements/HE_Thabo_Mbiki/Launch%20of%20the%20African%20Union%2C%209%20July%202002.htm). ABSA Stadium, Durban, South Africa: africa-union.org. Diarkib daripada yang asal (http://www.africa-union.org/official_documents/Speeches_&_Statements/HE_Thabo_Mbiki/Launch%20of%20the%20African%20Union,%209%20July%202002.htm) pada 3 May 2009. Dicapai pada 8 February 2009.
6. "IDB: Countries Ranked by Population" (https://web.archive.org/web/19991128111024/http://www.census.gov/cgi-bin/ipc/idbrank.pl). 28 November 1999. Diarkib daripada yang asal pada 28 November 1999.
7. "Africa" (https://web.archive.org/web/20080602050234/http://portal.unesco.org/ci/en/ev.php-URL_ID%3D8048%26URL_DO%3DDO_TOPIC%26URL_SECTION%3D201.html). UNESCO. 2005. Diarkib daripada yang asal (http://portal.unesco.org/ci/en/ev.php-URL_ID=8048&URL_DO=DO_TOPIC&URL_SECTION=201.html) pada 2 June 2008. Dicapai pada 1 March 2009.

L · B · S (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Templat:Benua&action=edit)

Benua


Afrika


Antartika


Asia


Australia


Eropah


Amerika Utara


Amerik


Afro-Eurasia


Amerika


Eurasia


Oceania

Lihat juga : *Kawasan dunia*

L · B · S (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Templat:Afrika&action=edit)

Senarai negara dan wilayah tanggungan di benua Afrika

Afrika Utara 	Algeria · Mesir[1] · Libya · Mauritania · Maghribi · Sudan · Tunisia · Sahara Barat[2]	**Afrika Barat** 	Benin · Burkina Faso · Cape Verde · Côte d'Ivoire · Gambia · Ghana · Guinea · Guinea-Bissau · Liberia · Mali · Mauritania · Niger · Nigeria · Senegal · Sierra Leone · Togo
Afrika Tengah 	Angola · Burundi · Cameroon · Chad · Guinea Khatulistiwa · Gabon · Republik Afrika Tengah · Republik Demokratik Congo · Republik Congo · Rwanda · Sao Tome dan Principe	**Afrika Timur** 	Burundi · Comoros · Djibouti · Eritrea · Habsyah · Kenya · Madagascar · Malawi · Mauritius · Mozambique · Rwanda · Seychelles · Somalia · Tanzania · Uganda · Zambia · Zimbabwe
Selatan Afrika 	Botswana · Lesotho · Namibia · Republik Afrika Selatan · Swaziland	**Wilayah tanggungan dan negara tidak diiktiraf**	**Wilayah tanggungan di Afrika :** Wilayah Lautan Hindi British, St. Helena[3] (United Kingdom) · Kepulauan Canary, Ceuta, Melilla (Sepanyol) · Madeira (Portugal) · Mayotte, Réunion (Perancis) ·

			Socotra (Yemen) **Negara yang tidak diiktiraf :** Puntland · Somaliland · Republik Demokratik Arab Sahrawi

[1] Sebahagiannya di benua Asia. [2] Status tidak dapat ditentukan. [3] Termasuk jajahan takluk Pulau Ascension dan Tristan da Cunha.

Kawalan kewibawaan	BNF: cb153236036 (https://catalogue.bnf.fr/ark:/12148/cb153236036) (data) (https://data.bnf.fr/ark:/12148/cb153236036) · GND: 4000695-5 (https://d-nb.info/gnd/4000695-5) · LCCN: sh85001531 (https://id.loc.gov/authorities/subjects/sh85001531) · NARA: 10044605 (https://catalog.archives.gov/id/10044605) · NDL: 00560082 (https://id.ndl.go.jp/auth/ndlna/00560082) · NKC: ge137148 (https://aleph.nkp.cz/F/?func=find-c&local_base=aut&ccl_term=ica=ge137148&CON_LNG=ENG) · SELIBR: 138939 (https://libris.kb.se/auth/138939) · VIAF: 123310773 (https://viaf.org/viaf/123310773) · WorldCat Identities (melalui VIAF): 123310773 (https://www.worldcat.org/identities/containsVIAFID/123310773)